



KERAJAAN MALAYSIA

PEMBERIAN KERAJAAN

PIAWAIAN PERAKAUNAN KERAJAAN

PPK 10

JUN 2007

**PIAWAIAN PERAKAUNAN
KERAJAAN**

**PEMBERIAN
KERAJAAN**

PPK 10

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PPK 10

Pemberian Kerajaan

Dikeluarkan oleh:

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Malaysia

Tel : 03-88821000

Faks : 03-88895821

E-mel : janm@anm.gov.my

Laman web: www.anm.gov.my

Kandungan

<i>Isi Kandungan</i>	<i>Perenggan</i>
TUJUAN	1
SKOP	2
LATAR BELAKANG	3
DEFINISI	4
KLASIFIKASI	5
DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN	6
PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN	7
TARIKH KUAT KUASA	8

1. TUJUAN

Pernyataan ini adalah bertujuan untuk menetapkan piawai perakaunan bagi mengakaunkan Pemberian Kerajaan mengikut Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1985).

2. SKOP

Pernyataan ini hendaklah digunakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang menguruskan Pemberian Kerajaan.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Pernyataan Pemberian Kerajaan adalah:

3.1.1 satu garis panduan bagi menyeragamkan amalan perakaunan yang merangkumi definisi, klasifikasi, prosedur perakaunan dan persembahan dalam penyata kewangan kerajaan.

3.1.2 berasaskan Perlembagaan Persekutuan dan Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1985) dan dilaksanakan mengikut Arahan Perbendaharaan serta aturan dan peraturan kewangan lain yang berkuat kuasa.

3.2 Mana-mana perenggan di dalam piawai ini yang merujuk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan hendaklah juga dirujuk kepada peruntukan Perlembagaan Negeri mengikut mana yang berkenaan melainkan dinyatakan secara khusus.

4. DEFINISI

Pemberian Kerajaan ialah pemberian tetap atau bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dan agensi kerajaan atau Kerajaan Negeri kepada agensi Kerajaan Negeri yang lain berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan, undang-undang serta aturan dan peraturan kewangan lain atau keputusan Majlis Kewangan Negara atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri / Kabinet Negeri.

5. KLASIFIKASI

Pemberian Kerajaan diklasifikasikan seperti berikut:

5.1 **Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Mengikut Perlembagaan Persekutuan**

Pemberian di bawah kategori ini antaranya adalah:

**5.1.1 Pemberian Mengikut Bilangan Orang
(*Capitation Grant*)**

Pemberian ini dibuat berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(a) Perlembagaan Persekutuan bagi membantu perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri.

**5.1.2 Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri
(*State Roads Grant*)**

Pemberian ini dibuat berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membantu Kerajaan Negeri menyelenggarakan jalan-jalan negeri.

**5.1.3 Pemberian Dari Kumpulanwang Simpanan Negeri
(*State Reserve Fund*)**

Kumpulanwang ini diwujudkan di bawah Perkara 109(6) Perlembagaan Persekutuan. Pemberian ini dibahagikan kepada dua jenis iaitu:

- i. Pemberian Kekurangan Akaun Mengurus (Akaun Hasil Disatukan) Kerajaan Negeri
- ii. Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup.

5.1.4 Pemberian Khas Kepada Kerajaan Negeri Sabah Dan Sarawak

Pemberian ini dibuat berdasarkan kepada peruntukan Perkara 112C(1)(a) Perlembagaan Persekutuan, bertujuan meningkatkan tahap pembangunan di Sabah dan Sarawak.

5.1.5 Pemberian Bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan Di Bawah Senarai Bersama (Pengairan Dan Saliran, Perkhidmatan Haiwan Dan Kebajikan Masyarakat)

Selaras dengan peruntukan Perkara 74(1), 82 dan 108(4)(h) Perlembagaan Persekutuan, Majlis Kewangan Negara telah menetapkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan membiayai sebahagian kos pengurusan perkara-perkara di bawah Jadual 9 (Senarai Bersama), Perlembagaan Persekutuan.

5.1.6 Pemberian Kos Perkhidmatan Di Atas Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan

Selaras dengan peruntukan Perkara 80(5) Perlembagaan Persekutuan, Majlis Kewangan Negara telah menetapkan bahawa Kerajaan Negeri layak menerima sejumlah pemberian kos

perkhidmatan di atas pelaksanaan projek pembangunan Persekutuan.

5.2 **Pemberian Kerajaan Persekutuan Kepada Kerajaan Negeri Di Bawah Undang-Undang Serta Aturan Dan Peraturan Kewangan Yang Lain**

Pemberian di bawah kategori ini antaranya adalah:

5.2.1 **Pemberian Pertambahan Hasil**

Pemberian ini dibuat berdasarkan Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977 (Pindaan 1990). Pemberian ini meliputi Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian I dan Bahagian II Akta tersebut. Pemberian ini berasaskan prinsip perkongsian hasil iaitu negeri-negeri akan mendapat Pemberian ini apabila terdapat pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan dalam sesuatu tahun kewangan berbanding dengan tahun sebelumnya.

5.2.2 **Pemberian Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

Pemberian ini dibuat berdasarkan Akta *State Grants (Maintenance of Local Authorities)* 1982 bagi menampung kekurangan kewangan dalam perbelanjaan mengurus Pihak Berkuasa Tempatan.

5.2.3 **Pemberian Tahunan Kepada Kerajaan Negeri Selangor**

Pemberian ini dibuat mengikut Akta Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan) 1981 dan surat perjanjian berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya bertarikh 20 Julai 1995. Pemberian ini merupakan sebahagian daripada pampasan kepada Kerajaan negeri Selangor berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

5.2.4 **Pemberian Tahunan Kepada Kerajaan Negeri Kedah**

Pemberian kepada Kerajaan negeri Kedah dibuat mengikut Perjanjian tahun 1869 bagi pewujudan Kerajaan negeri Pulau Pinang.

5.3 **Pemberian Kerajaan Persekutuan Atau Kerajaan Negeri Kepada Agensi Lain.**

Pemberian ini diberikan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri untuk membantu perbelanjaan mengurus dan pembangunan agensi lain seperti Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Koperasi dan Badan-Badan Bukan Kerajaan mengikut undang-undang, aturan dan peraturan kewangan yang lain atau keputusan Majlis Kewangan Negara atau Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri / Kabinet Negeri.

6. DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN

6.1 Perakaunan Bayaran Pemberian Kerajaan

6.1.1 Pemberian Kerajaan Persekutuan

Semua jenis pemberian oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah diakaunkan kepada perbelanjaan mengurus kecuali pemberian dari Kumpulanwang Simpanan Negeri dan pemberian tahunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan diakaunkan kepada akaun amanah masing-masing.

6.1.2 Pemberian Kerajaan Negeri

Semua jenis pemberian oleh Kerajaan Negeri kepada agensi Kerajaan Negeri diakaunkan kepada perbelanjaan mengurus kecuali pemberian tahunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan diakaunkan ke dalam akaun amanah.

6.2 Perakaunan Pemberian Yang Di Terima Oleh Kerajaan Negeri

Semua jenis pemberian yang diterima oleh Kerajaan Negeri hendaklah diakaunkan ke akaun hasil sebagai Pelbagai Terimaan kecuali pemberian berikut:

6.2.1 Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya

Diakaunkan ke dalam Kumpulanwang Amanah Penyelenggaraan Jalan Raya.

6.2.2 Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup

Diakaunkan ke dalam Kumpulanwang Pembangunan.

6.2.3 Pemberian Pertambahan Hasil (Bahagian II)

Diakaunkan ke dalam Kumpulanwang Pembangunan.

6.2.4 Pemberian Tahunan Kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Diakaunkan ke dalam akaun amanah Pihak Berkuasa Tempatan.

7. PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN

Persembahan Pemberian Kerajaan hendaklah mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak-1985) dan Piawaian Perakaunan Kerajaan 2 - Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan.

7.1 Lembaran Imbangan

Pemberian Kerajaan hendaklah ditunjukkan sebagai satu item yang berasingan dalam Penyata Akaun Hasil Disatukan atau Penyata Akaun Amanah Disatukan mengikut mana yang berkenaan.

8. TARIKH KUAT KUASA

Piawaian ini berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2008.